

TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG SETIAUSAHA BAHARU SPR

Putrajaya, 21 Mei – Seluruh warga SPR mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada Dato' Mohamed Elias Abu Bakar dilantik sebagai Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia yang baharu berkuatkuasa hari ini menggantikan Datuk Abdul Ghani Salleh yang bersara wajib pada 10 Mei lalu.

Dato' Mohamed Elias, 58 tahun merupakan lulusan dari Universiti Malaya, mula menyertai Perkhidmatan Awam pada 1 Julai 1983. Melalui pengalaman luas beliau dalam perkhidmatan awam SPR berharap pelantikan Dato' Mohamed Elias akan dapat memimpin urus setia SPR dalam merancang, menyelaraskan dan melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan dengan cekap dan berkesan.

Beliau pernah menyandang jawatan strategik antaranya Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan; Pengarah Penyelidikan dan Dasar; dan Pengarah Bahagian Sumber Manusia, Kepenggunaan dan Pengurusan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mulai 24 Mac 2008 hingga 27 April 2014.

Beliau juga pernah dilantik sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia di Kementerian Sumber Manusia pada 28 April 2014 hingga 14 Februari 2017 dan seterusnya Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) kementerian itu mulai 15 Februari 2017 hingga 20 Mei 2018.

Dalam pada itu, SPR turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Abdul Ghani atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada SPR mulai 19 Ogos 2013 hingga 9 Mei 2018 sebagai Setiausaha SPR.

Disediakan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat SPR